

14 NOV 2000

Tabung Haji-MAS

TABUNG HAJI TIMBANG BELI SAHAM MAS JIKA DAPAT KUASA MENGAWAL

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Lembaga Tabung Haji akan menimbang membeli saham Penerbangan Malaysia (MAS) sekiranya tawaran itu meliputi pemilikan kuasa bagi mengawal dan membuat keputusan dalam syarikat penerbangan itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji Datuk Badroddin Kassim hari ini berkata antara kuasa itu ialah membenarkan syarikat penerbangan itu memberi perhatian khusus bagi penerbangan haji.

"Kalau kita tak ada kepentingan dalam mengawal syarikat itu, kita akan jadi sama seperti pemegang saham yang lain, tak ada suara. Tak ada makna apa-apalah jika kita beli...sekadar membuat pelaburan biasa sajalah," katanya pada sidang media di ibu pejabat Tabung Haji di sini.

Katanya pemilikan kuasa bagi mengawal dan membuat keputusan itu penting kerana ia bukan semata-mata soal pelaburan, tetapi turut menyentuh prinsip syariah yang didokong Tabung Haji selama ini.

"Dulu kita pernah ada saham dalam MAS tetapi beberapa perkara yang tidak meyakinkan Bahagian Pengurusan Syariah Tabung Haji timbul dan akhirnya kita terpaksa lepaskan saham yang kita ada," katanya.

Menurutnya saham sebanyak 10 peratus itu terpaksa dilepaskan pada 1990 apabila timbul kontroversi bahawa MAS menghidangkan minuman keras dalam penerbangannya.

Badroddin berkata jika Tabung Haji hanya ditawarkan untuk membuat pelaburan tanpa sebarang kuasa mengawal dan membuat keputusan, beliau berkata Tabung Haji perlu menimbang sama ada pelaburan itu akan menguntungkan atau sebaliknya.

Beliau juga berterima kasih kepada pemerhati pelaburan yang menasihatkan Tabung Haji supaya membuat kajian mendalam mengenai perkara itu kerana ia merupakan satu bidang lain yang jauh daripada perniagaan utama Tabung Haji.

Isu pembelian saham MAS oleh Tabung Haji timbul berikutan cadangannya untuk menguruskan penerbangan jemaah hajinya sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada syarikat penerbangan lain.

"Kita sebenarnya hanya bercadang untuk menguruskan penerbangan sendiri. Sama ada kita beli atau sewa kapal terbang itu masih dalam pertimbangan," katanya.

Bagaimanapun, apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa kerajaan akan melepaskan saham istimewanya dalam MAS baru-baru ini, Tabung Haji dilihat sebagai satu daripada "calon" yang mungkin ditawarkan untuk membeli saham itu.

-- BERNAMA

NHA ZS NAK